

## **Meningkatkan Kemahiran Membaca Murid di Kalangan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Dengan Menggunakan Kaedah Cepat Baca**

Farah Zurah binti Mohd Yusof

Sekolah Kebangsaan Pernu, Melaka  
g-66118957@moe-dl.edu.my

### **ABSTRAK**

Membaca merupakan aktiviti penting dalam kehidupan manusia. Kemahiran membaca juga merupakan jambatan kepada ilmu dan pengetahuan. Kelemahan murid dalam membaca menyebabkan mereka tidak memahami perkara yang dibaca seterusnya menimbulkan kesukaran kepada mereka untuk mengikuti proses pembelajaran. Ia juga memberi kesan yang tidak baik terhadap pencapaian individu dalam semua mata pelajaran. Kaedah membaca yang tidak bersesuaian menyebabkan murid merasa cepat bosan, kurang minat dan berkemungkinan cepat mengantuk ketika membaca. Penulisan amalan terbaik ini adalah untuk mengatasi masalah membaca dalam kalangan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) di Sekolah Kebangsaan Pernu, Melaka menggunakan kaedah cepat baca di bawah Program Celik Membaca. Kumpulan sasaran pelaksanaan amalan ini melibatkan murid Kelas Anugerah 2 Sekolah Kebangsaan Pernu yang mengikuti KSSRPK Tahun 2. Data amalan dikumpulkan menggunakan kaedah kualitatif secara pemerhatian dan temu bual. Hasil daripada dapatan amalan menunjukkan pelaksanaan aktiviti amalan ini berjaya meningkatkan kemahiran membaca MBPK dan meningkatkan keyakinan mereka dalam banyak aktiviti sama ada dalam atau di luar kelas.

**Kata kunci :** kaedah cepat baca, pendidikan khas, masalah membaca

---

### **Pengenalan Amalan Terbaik**

Kemahiran membaca merupakan salah satu sumber pengetahuan dan asas kepada seseorang untuk memperolehi ilmu pengetahuan. Ia merupakan proses kompleks yang melibatkan minda, persepsi, linguistik dan psikologi. Oleh kerana membaca merupakan proses yang rumit, membaca telah disimpulkan sebagai satu proses yang tidak mempunyai definisi spesifik atau khusus (Smith, 1978:1).

Bagi mencapai kemahiran membaca dalam kalangan MBPK, guru perlu melaksanakan kaedah membaca yang menarik dan berkesan untuk menarik minat murid. Guru juga perlu memastikan bahan-bahan pengajaran sesuai dengan profil murid dalam proses pembelajaran. Selain itu, membaca secara berulang juga dapat meningkatkan kelancaran dan kefahaman dalam meningkatkan kemahiran membaca. Menurut Musti-Roa, Harkins & Barkley (2009), bacaan berulang memerlukan murid membaca berulang kali petikan atau teks dalam jangka masa tertentu atau sehingga murid tersebut lancar membaca.

Oleh itu, Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) SK Pernu telah menjalankan satu program yang menggunakan kaedah cepat baca dalam pengajaran pembacaan. Seramai 8 orang murid Kelas Anugerah 2, Sekolah Kebangsaan Pernu terlibat dalam amalan baik ini. Mereka terdiri daripada dua orang murid perempuan dan enam orang murid lelaki dan program ini dijalankan sepanjang tahun. Kaedah cepat baca merupakan kaedah yang bersesuaian dengan keperluan semasa dan sesuai diaplikasikan pada peringkat pendidikan khas. Bersesuaian dengan keperluan abad ke-21, kemahiran membaca menjadi salah satu daripada enam elemen yang mesti dikuasai dalam pembelajaran.

### **Justifikasi Pelaksanaan Amalan Terbaik**

Kelemahan murid dalam menguasai kemahiran membaca menjejaskan potensi dan penguasaan bukan sahaja dalam mata pelajaran Bahasa Melayu tetapi merentas semua mata pelajaran. Kesan daripada tidak boleh membaca, murid-murid ini tidak dapat menjawab kertas soalan dengan baik kerana kebatasan mereka dalam membaca dan memahami teks. Keadaan ini sangat membimbangkan kerana jika tidak diatasi, masalah ini akan berlarutan sehingga ke sekolah menengah.

Kaedah pengajaran membaca yang membosankan juga menyebabkan murid kurang bermotivasi dan menimbulkan rasa tidak minat untuk mengikuti pembelajaran di dalam kelas. Keadaan ini boleh menimbulkan masalah lain di dalam kelas seperti hilang tumpuan semasa pembelajaran dan masalah ponteng.

Satu program yang bermatlamat telah dirancang untuk mengatasi masalah ini iaitu Program Celik Membaca. Program ini dapat meningkatkan kemahiran membaca murid seterusnya dapat meningkatkan motivasi diri mereka untuk mencapai kecemerlangan dalam pembelajaran.

### **Objektif Pelaksanaan**

Sebagai usaha untuk mengatasi masalah membaca dalam kalangan MBPK di SK Pernu, Program Celik Membaca diwujudkan untuk membantu murid-murid membaca dengan menggunakan kaedah cepat baca. Objektif pelaksanaan amalan baik ini adalah untuk :-

1. Meningkatkan tahap penguasaan membaca murid
2. Menanamkan sikap keyakinan diri untuk membaca dan belajar


### **Amalan Terbaik yang Dilaksanakan**

Bagi mencapai objektif untuk meningkatkan kemahiran membaca murid, kaedah membaca yang digunakan perlu sesuai dengan kemampuan dan minat murid agar memberikan impak kepada proses pembelajaran. Sesuai dengan keperluan semasa, kaedah cepat baca merupakan salah satu kaedah mengajar asas membaca yang



sesuai diaplikasikan. Dengan harapan, kaedah ini dapat membantu MBPK menguasai kemahiran membaca dengan lebih baik.

Kaedah cepat baca adalah kaedah mudah menggunakan sistem pengecaman suku kata yang telah dipermudahkan dengan teknik imaginasi dan lenggok bunyi dimana murid tidak perlu menyebut huruf dan bunyi fonetik huruf yang dibaca. MBPK tidak perlu belajar mengeja sebaliknya terus bunyikan suku kata. Murid yang belum mengenal huruf juga boleh menggunakan kaedah ini untuk belajar membaca. Rajah 1 di bawah adalah jadual penerangan modul-modul bacaan yang digunakan.

**Rajah 1**  
*Jadual Modul-Modul Kaedah Cepat Baca*

Modul bacaan	Contoh modul	Aktiviti bacaan
Modul 1		<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Melibatkan suku kata terbuka yang diakhiri dengan vokal 'a.'</li> <li>ii. Terdapat gambar pada setiap suku kata untuk memberi petunjuk kepada setiap suku kata seperti dalam gambarajah. Petunjuk ini membantu murid untuk lebih mudah mengingat suku kata yang diperkenalkan apabila imaginasi mereka mempunyai sesuatu sandaran yang boleh membantu mereka mengingat.</li> <li>iii. Selepas diperkenalkan dengan suku kata, murid diminta mencari suku kata yang baru dipelajari di dalam kotak suku kata. Proses ini membuatkan murid lebih peka dengan suku kata tersebut.</li> <li>iv. Kemudian, murid membaca satu persatu suku kata yang terdapat di dalam kotak.</li> <li>v. Selepas itu, murid diminta menulis semula suku kata yang telah dipelajari. Guru perlu menunjukkan contoh menulis bagi memastikan murid menulis dengan cara yang betul.</li> </ol>

Modul bacaan	Contoh modul	Aktiviti bacaan																																								
Modul 2	<p style="text-align: center;"><small>Terus dibungkan. Jangan dipis.</small></p> <p style="text-align: center;"><b>bi</b>                      <b>bu</b></p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr><td>bi</td><td>bu</td><td>bu</td><td>bi</td><td>bu</td></tr> <tr><td>ba</td><td>u</td><td>bi</td><td>a</td><td>i</td></tr> <tr><td>bu</td><td>u</td><td>i</td><td>bi</td><td>ba</td></tr> <tr><td>u</td><td>i</td><td>a</td><td>bi</td><td>bu</td></tr> <tr><td>a</td><td>u</td><td>bi</td><td>ba</td><td>bu</td></tr> <tr><td>i</td><td>bu</td><td>a</td><td>bi</td><td>ba</td></tr> <tr><td>a</td><td>u</td><td>bu</td><td>bi</td><td>i</td></tr> </table>	bi	bu	bu	bi	bu	ba	u	bi	a	i	bu	u	i	bi	ba	u	i	a	bi	bu	a	u	bi	ba	bu	i	bu	a	bi	ba	a	u	bu	bi	i	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Modul ini memperkenalkan suku kata terbuka yang diakhiri dengan vokal 'i' dan 'u'</li> <li>ii. Modul ini menggunakan lenggok bunyi dan perlu dikuasai supaya murid mudah untuk mengingat suku kata yang baru contohnya jika "a, i, u" maka "ba, bi, bu". Jika "ca"?</li> <li>iii. Latihan membaca suku kata diberikan untuk memantapkan ingatan murid.</li> <li>iv. Latihan menulis suku kata juga diberikan.</li> </ol>					
bi	bu	bu	bi	bu																																						
ba	u	bi	a	i																																						
bu	u	i	bi	ba																																						
u	i	a	bi	bu																																						
a	u	bi	ba	bu																																						
i	bu	a	bi	ba																																						
a	u	bu	bi	i																																						
Modul 3	<p style="text-align: center;"><small>Terus dibungkan. Jangan dipis.</small></p> <p style="text-align: center;"><b>be</b>                      <b>bo</b></p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr><td>be</td><td>bo</td><td>bo</td><td>be</td><td>be</td></tr> <tr><td>be</td><td>bi</td><td>bu</td><td>ba</td><td>bo</td></tr> <tr><td>ki</td><td>lu</td><td>mi</td><td>ba</td><td>be</td></tr> <tr><td>ci</td><td>nu</td><td>be</td><td>ju</td><td>fi</td></tr> <tr><td>ri</td><td>be</td><td>gu</td><td>di</td><td>ci</td></tr> <tr><td>si</td><td>bo</td><td>be</td><td>bi</td><td>wi</td></tr> <tr><td>bu</td><td>tu</td><td>lu</td><td>mu</td><td>pi</td></tr> <tr><td>bo</td><td>zu</td><td>be</td><td>hi</td><td>bo</td></tr> </table>	be	bo	bo	be	be	be	bi	bu	ba	bo	ki	lu	mi	ba	be	ci	nu	be	ju	fi	ri	be	gu	di	ci	si	bo	be	bi	wi	bu	tu	lu	mu	pi	bo	zu	be	hi	bo	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Modul ini memperkenalkan suku kata terbuka yang diakhiri dengan vokal 'e' dan 'o'.</li> <li>ii. Terdapat 3 bunyi suku kata baru yang diperkenalkan iaitu yang berakhir dengan vokal e tailing, e pepet dan o.</li> <li>iii. Modul ini memerlukan penguasaan lenggok bunyi terlebih dahulu sebelum memperkenalkan suku kata.</li> <li>iv. Perkenalkan murid perbezaan bunyi e tailing dan e pepet yang ditemui. Murid akan semakin mahir apabila kerap mengulangi perkataan yang sama.</li> <li>v. Latihan membaca perkataan dan ayat diberikan untuk memantapkan ingatan murid.</li> <li>vi. Latihan menulis suku kata juga diberikan.</li> </ol>
be	bo	bo	be	be																																						
be	bi	bu	ba	bo																																						
ki	lu	mi	ba	be																																						
ci	nu	be	ju	fi																																						
ri	be	gu	di	ci																																						
si	bo	be	bi	wi																																						
bu	tu	lu	mu	pi																																						
bo	zu	be	hi	bo																																						

Modul bacaan	Contoh modul	Aktiviti bacaan																																																																				
Modul 4	<p>Perhatikan bunyinya.</p> <table border="1" data-bbox="451 353 746 450"> <tr><td>ai</td><td>ai</td><td>ai</td><td>ai</td><td>ai</td><td>ai</td></tr> <tr><td>bai</td><td>cai</td><td>dai</td><td>fai</td><td>gai</td><td>hai</td></tr> <tr><td>jai</td><td>kai</td><td>lai</td><td>mai</td><td>nai</td><td>pai</td></tr> <tr><td>rai</td><td>sai</td><td>tai</td><td>wai</td><td>zai</td><td></td></tr> </table> <table border="1" data-bbox="451 465 746 600"> <tr><td>kedai</td><td>hilai</td><td>abai</td></tr> <tr><td>lebai</td><td>balai</td><td>wahai</td></tr> <tr><td>sesuai</td><td>inai</td><td>memakai</td></tr> <tr><td>cabai</td><td>sakai</td><td>zairi</td></tr> <tr><td>usai</td><td>dawai</td><td>tupai</td></tr> <tr><td>sebagai</td><td>hairi</td><td>tairu</td></tr> </table> <ul style="list-style-type: none"> <li>• saya memakai baju biru dibeli ibu di kedai zaini.</li> <li>• ibu beli tapai di gerai cabai.</li> </ul>	ai	ai	ai	ai	ai	ai	bai	cai	dai	fai	gai	hai	jai	kai	lai	mai	nai	pai	rai	sai	tai	wai	zai		kedai	hilai	abai	lebai	balai	wahai	sesuai	inai	memakai	cabai	sakai	zairi	usai	dawai	tupai	sebagai	hairi	tairu	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Modul ini memperkenalkan suku kata diftong dan vokal berganding</li> <li>ii. Teknik lenggok bunyi digunakan bagi memudahkan murid mengenal suku kata yang diperkenalkan contoh “a-ai, ba-bai, ca-cai” dan seterusnya.</li> <li>iii. Modul ini adalah sebagai pengenalan. Jika murid belum menguasai, murid boleh ke modul seterusnya kerana suku kata diftong dan vokal berganding banyak digunakan dalam modul seterusnya.</li> <li>iv. Latihan menulis juga disediakan.</li> </ol>																										
ai	ai	ai	ai	ai	ai																																																																	
bai	cai	dai	fai	gai	hai																																																																	
jai	kai	lai	mai	nai	pai																																																																	
rai	sai	tai	wai	zai																																																																		
kedai	hilai	abai																																																																				
lebai	balai	wahai																																																																				
sesuai	inai	memakai																																																																				
cabai	sakai	zairi																																																																				
usai	dawai	tupai																																																																				
sebagai	hairi	tairu																																																																				
Modul 5	<p>Cuba perhatikan bunyinya. </p> <table border="1" data-bbox="475 958 778 1323"> <tr><td>bana</td><td>ban</td><td>bantu</td><td>reban</td></tr> <tr><td>cana</td><td>can</td><td>candu</td><td>belacan</td></tr> <tr><td>dana</td><td>dan</td><td>dandan</td><td>medan</td></tr> <tr><td>gana</td><td>gan</td><td>ganda</td><td>segan</td></tr> <tr><td>hana</td><td>han</td><td>hantu</td><td>telahan</td></tr> <tr><td>jana</td><td>jan</td><td>janda</td><td>hujan</td></tr> <tr><td>kana</td><td>kan</td><td>kanda</td><td>makan</td></tr> <tr><td>lana</td><td>lan</td><td>landa</td><td>bulan</td></tr> <tr><td>mana</td><td>man</td><td>mandi</td><td>laman</td></tr> <tr><td>nana</td><td>nan</td><td>nanti</td><td>kanan</td></tr> <tr><td>pana</td><td>pan</td><td>pandu</td><td>lapan</td></tr> <tr><td>rana</td><td>ran</td><td>rantai</td><td>saran</td></tr> <tr><td>sana</td><td>san</td><td>santai</td><td>pesan</td></tr> <tr><td>tana</td><td>tan</td><td>tandan</td><td>selatan</td></tr> <tr><td>wana</td><td>wan</td><td>wanda</td><td>perawan</td></tr> <tr><td>yana</td><td>yan</td><td>yanfi</td><td>nelayan</td></tr> <tr><td>zana</td><td>zan</td><td>azan</td><td>mizan</td></tr> </table>	bana	ban	bantu	reban	cana	can	candu	belacan	dana	dan	dandan	medan	gana	gan	ganda	segan	hana	han	hantu	telahan	jana	jan	janda	hujan	kana	kan	kanda	makan	lana	lan	landa	bulan	mana	man	mandi	laman	nana	nan	nanti	kanan	pana	pan	pandu	lapan	rana	ran	rantai	saran	sana	san	santai	pesan	tana	tan	tandan	selatan	wana	wan	wanda	perawan	yana	yan	yanfi	nelayan	zana	zan	azan	mizan	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Modul ini memperkenalkan suku kata kvk.</li> <li>ii. Kaedah lenggok bunyi juga digunakan. Contohnya jika “bana-ban, cana-can dan seterusnya.</li> <li>iii. Perkataan yang melibatkan suku kata kvk diberikan untuk mengukuhkan ingatan murid. Seterusnya petikan mudah disertakan.</li> <li>iv. Latihan menulis petikan juga disediakan.</li> </ol>
bana	ban	bantu	reban																																																																			
cana	can	candu	belacan																																																																			
dana	dan	dandan	medan																																																																			
gana	gan	ganda	segan																																																																			
hana	han	hantu	telahan																																																																			
jana	jan	janda	hujan																																																																			
kana	kan	kanda	makan																																																																			
lana	lan	landa	bulan																																																																			
mana	man	mandi	laman																																																																			
nana	nan	nanti	kanan																																																																			
pana	pan	pandu	lapan																																																																			
rana	ran	rantai	saran																																																																			
sana	san	santai	pesan																																																																			
tana	tan	tandan	selatan																																																																			
wana	wan	wanda	perawan																																																																			
yana	yan	yanfi	nelayan																																																																			
zana	zan	azan	mizan																																																																			
Modul 6	<p>Cuba perhatikan bunyinya </p> <table border="1" data-bbox="435 1406 767 1480"> <tr><td>nga</td><td>ngi</td><td>ngu</td></tr> <tr><td>nganga</td><td>wangi</td><td>ungu</td></tr> <tr><td>mengaji</td><td>mengira</td><td>menguji</td></tr> </table> <table border="1" data-bbox="435 1514 767 1588"> <tr><td>nge</td><td>nge</td><td>ngo</td></tr> <tr><td>mengerat</td><td>mengelak</td><td>mengorak</td></tr> <tr><td>mengetat</td><td>mengejek</td><td>mengolah</td></tr> </table> <table border="1" data-bbox="435 1621 767 1695"> <tr><td>nya</td><td>nyi</td><td>nyu</td></tr> <tr><td>menyanyi</td><td>menyibuk</td><td>menyuruh</td></tr> <tr><td>menyakiti</td><td>menyifatkan</td><td>menyuci</td></tr> </table> <table border="1" data-bbox="435 1729 767 1803"> <tr><td>nye</td><td>nye</td><td>nyo</td></tr> <tr><td>menyerah</td><td>mengelak</td><td>menyorok</td></tr> <tr><td>penyeri</td><td>monyet</td><td>penyodok</td></tr> </table>	nga	ngi	ngu	nganga	wangi	ungu	mengaji	mengira	menguji	nge	nge	ngo	mengerat	mengelak	mengorak	mengetat	mengejek	mengolah	nya	nyi	nyu	menyanyi	menyibuk	menyuruh	menyakiti	menyifatkan	menyuci	nye	nye	nyo	menyerah	mengelak	menyorok	penyeri	monyet	penyodok	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Modul ini memperkenalkan suku kata terbuka dan tertutup yang melibatkan gugusan konsonan.</li> <li>ii. Kaedah lenggok bunyi digunakan. Contohnya nga, ngi, ngu, nge, ngo.</li> <li>iii. Latihan membaca suku kata diberikan untuk memantapkan lagi ingatan.</li> <li>iv. Latihan menulis petikan disediakan.</li> </ol>																																
nga	ngi	ngu																																																																				
nganga	wangi	ungu																																																																				
mengaji	mengira	menguji																																																																				
nge	nge	ngo																																																																				
mengerat	mengelak	mengorak																																																																				
mengetat	mengejek	mengolah																																																																				
nya	nyi	nyu																																																																				
menyanyi	menyibuk	menyuruh																																																																				
menyakiti	menyifatkan	menyuci																																																																				
nye	nye	nyo																																																																				
menyerah	mengelak	menyorok																																																																				
penyeri	monyet	penyodok																																																																				

## Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada murid Kelas Anugerah 2 yang mengikuti KKSRPK Tahun 2 iaitu seramai lapan orang. Lima orang guru pembimbing dan dua orang Pembantu

Pengurusan Murid (PPM) mengaplikasikan kaedah cepat baca kepada murid-murid dan mengajar membaca secara individu mengikut tahap bacaan masing-masing.

## **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian yang digunakan adalah :

1. Ujian diagnostik diadakan untuk menyaring dan menentukan tahap bacaan murid menggunakan Instrumen Saringan Literasi Bahasa Melayu Membaca Tahun 1.
2. Papan Celik Membaca untuk merakam kemajuan bacaan murid ditampal di dalam kelas. Setiap kali murid berjaya membaca mengikut syarat yang ditetapkan, murid tersebut akan mendapat satu token. Apabila murid mendapat jumlah token sebanyak 10 token, guru akan memberikan hadiah sebagai dorongan kepada murid agar terus berusaha belajar membaca.

## **Prosedur Kajian**

Kajian ini dijalankan sepanjang tahun pada setiap hari Selasa, Rabu dan Khamis mengambil waktu pertama memperuntukkan masa 30 minit. Murid akan membaca menggunakan modul masing-masing dengan dibimbing oleh guru.

Berikut merupakan langkah-langkah pengajaran dilaksanakan :

### **i. Tahap Penyaringan**

Murid menjalani ujian diagnostik yang merangkumi aktiviti mengecam huruf-huruf tertentu, menyebut suku kata terbuka (kv), menyebut suku kata tertutup (kvk) dan membaca ayat mudah atau teks. Selepas itu, guru menentukan modul yang murid perlukan untuk belajar membaca. Bagi murid yang gagal, Modul Bacaan 1 akan digunakan.

### **ii. Pemulihan Tahap 1**

Pada tahap ini, murid akan belajar membaca menggunakan modul bacaan yang telah ditetapkan mengikut hasil daripada tahap penyaringan. Pada tahap ini, kebolehan murid adalah berbeza mengikut pemerolehan dan kecekapan individu tersebut. Pengulangan bacaan akan dilakukan sekiranya murid belum menguasai bacaan. Apabila murid berjaya membaca dengan baik, token akan diberikan. Setelah berjaya mengumpul 10 token, hadiah akan diberikan sebagai ganjaran kepada usaha mereka.


### **iii. Pemulihan Tahap 2**

Murid yang berjaya membaca semua modul akan mara ke pemulihan tahap 2 dimana pada tahap ini murid harus membaca ayat mudah dan petikan karangan yang pendek. Token juga diberikan setiap kali murid berjaya membaca.

## Keberkesanan Amalan Terbaik yang Dilaksanakan

Hasil dapatan amalan terbaik ini menunjukkan kebolehan membaca menggunakan kaedah cepat baca dapat membantu murid-murid dalam mengatasi masalah membaca. Token yang diberikan pula sangat mengujakan murid untuk terus belajar membaca. Di bawah adalah contoh video aktiviti Program Celik Membaca yang telah dijalankan.

**Rajah 2**  
*Video Bacaan Menggunakan Kaedah Cepat Baca*



### i. **Meningkatkan Tahap Penguasaan Membaca**

Hasil pemerhatian guru mendapati murid-murid dapat meningkatkan kebolehan membaca dengan baik menggunakan kaedah cepat baca. Melalui kaedah ini juga, murid dapat belajar membaca dalam suasana yang seronok dan tidak berasa tertekan. Susunan kandungannya juga berstruktur dan kaedah membaca yang menarik bersesuaian dengan tahap bacaan murid dan kesedian murid.

Merujuk pada Rajah 3, bilangan token yang diperolehi pada Papan Celik Membaca menunjukkan murid-murid berjaya meningkatkan tahap penguasaan bacaan masing-masing. Token ini menjadi pemangkin semangat kepada mereka untuk terus berusaha membaca. Bagi murid yang telah berjaya mengumpul 10 token, mereka akan diberikan hadiah sebagai ganjaran di atas usaha mereka belajar membaca seperti di dalam Rajah 4.

Rajah 3  
*Papan Token Celik Membaca*



Rajah 4  
*Murid yang Berjaya mendapat 10 token mendapat hadiah*



ii. **Menanamkan Sikap Keyakinan Diri dan Minat Untuk Membaca dan Belajar.**

Sebelum amalan ini dijalankan, murid kurang berminat untuk belajar kerana semua matapelajaran memerlukan mereka untuk membaca. Mereka tidak suka membaca arahan semasa menjawab soalan bertulis, adakalanya mereka membiarkan kosong jawapan atau meniru rakan. Setelah Program Celik Membaca ini dilaksanakan, murid-murid menunjukkan keyakinan dan lebih bersemangat untuk belajar. Penglibatan mereka dalam aktiviti dalam bilik darjah juga semakin meningkat.

Hasil temubual bersama ibu bapa dan guru yang terlibat dengan amalan baik ini telah menunjukkan bahawa ibu bapa dan guru memberikan respon positif di mana mereka merasa gembira dengan peningkatan membaca murid walaupun peningkatan yang kecil. Ini adalah soalan yang diberikan di dalam temu bual tersebut :

*“Apa perubahan yang tuan/ puan nampak setelah Program Celik Membaca dijalankan? “*

a) Ibu Bapa

*“Saya lihat anak saya seronok datang ke sekolah. Dia mudah untuk bangun pagi tidak seperti sebelum ini tantrum dan susah dikejutkan.”*



*“Terima kasih cikgu ajar anak saya membaca. Walaupun belum kenal huruf, cakap pun pelat tapi boleh belajar membaca.”*

b) Guru

*“ Murid-murid teruja untuk mendapatkan token setiap kali membaca. Ada juga diantara mereka berlumba-lumba untuk mendapat jumlah bintang yang tertinggi. Secara tidak langsung mereka menjadi fokus dalam belajar membaca.”*

*“ Ada seorang murid tidak mengenal huruf dan butiran sebutannya lebih kepada loghat bahasa inggeris tetapi boleh membaca dengan kaedah cepat baca. Murid ini setiap kali belajar membaca, dia akan berusaha untuk mendapatkan token, jika tidak dia akan minta untuk membaca semula sehingga berjaya melepasi.”*

## **Rumusan dan Cadangan**

Melalui amalan terbaik ini, dapat disimpulkan kaedah cepat membaca dapat membantu murid dalam meningkatkan kemahiran membaca. Kaedah ini juga dapat meningkatkan keyakinan diri murid dalam semua aktiviti terutamanya dalam matapelajaran Bahasa Melayu. Modul yang ditulis secara berstruktur dan tersusun ini bertajuk Buku Belajar Membaca Ekspress-i. Ia telah diasaskan oleh Norli Manan atau lebih dikenali dengan panggilan Bonda Nor. Papan Token Celik Membaca pula sangat membantu dalam menarik minat murid untuk terus membaca dan menjadi pemangkin untuk murid bersaing untuk mendapatkan jumlah token yang tertinggi.

Dicadangkan agar kaedah cepat baca ini dapat diadaptasikan dalam bentuk Apps menggunakan peranti Android supaya dapat dijadikan pembelajaran interaktif. Melalui permainan interaktif ini, murid-murid lebih teruja kerana ianya lebih menyeronokkan. Aplikasi atau Apps dalam Android juga adalah antara kaedah pengajaran yang dianggap bersesuaian dengan keperluan pendidikan terkini. Penggunaannya mampu mempengaruhi keberkesanan pengajaran guru dan penguasaan kemahiran membaca murid.

## **Rujukan**

Ahmad Jaswadi Mohamed & Norli Manan (2015). *Belajar Membaca Ekspress-i: Cara Mudah Mengajar*, Terengganu: Anjung Haris Ikhwan Resources

Bonda Nor (2011, Mei 10). *Mengapa Ekspress-i?*. Retrieved from <https://www.bacaekspres-i/blogspot.com/2011/05/mengapa-ekspres-i.html>

- Mohd Fadlee Sulaiman, Noor Azean Atan (2014). Aplikasi Mudah Alih Bagi Pembelajaran Bahasa Melayu Berdasarkan Kepada Kaedah Fonetik dan Oral Aural, *Konvensyen Antarabangsa Jiwa Pendidik 2014*, 11-13 Ogos 2014
- Musti-Roa, S., Hawkins, R.O., & Barkley, E.A. (2009). Effects of Repeated Readings On the Oral Reading Fluency of Urban Fourth-Grade Students: Implications for Practice. University of Cincinnati: *University Research Council Faculty Research Support Program*.
- Norlieza Ahmad, & Fadial Jamaludin (2019). Penerapan Kaedah Fonetik Dalam Meningkatkan Kemahiran Membaca Murid, *Amalan Pengajaran Bahasa Melayu Di Singapura*, 211-233
- Nurul Haniza Samsudin, Puteri Roslina Abdul Wahid & Salinah Ja'afar (2018). Pengaplikasian Model Awal Kit Asas Membaca Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Kanak-kanak Pemulihan Khas, *Jurnal Sains Insani 2018*
- Smith F.(1978). *Reading. Cambridge: University Press*
- Sutinah Hj Mohd Ali, Yahya Othman, Zamri Mohamad (2012). Kaedah Fonik Dalam Mengajar Kemahiran Membaca Kanak-kanak Prasekolah, *Tinjauan Pelaksanaan di Negara Brunei Darussalam*
- Tamam Timbang, Zamri Mohamad, & Afendi Hanafi (2011). Faktor Dan Kesan Masalah Membaca Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Kerajaan Di Brunei Darussalam, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 89-107